

Amalan Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah dalam Melaksanakan Pendekatan Pengajaran Terbeza *(The Practice of Secondary School Malay Language Teachers in Implementing Differentiated Teaching Approaches)*

Norhidayah Azni Mohamed Zohomi^{1*}, Zamri Mahamod¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: adznie219@gmail.com

Accepted: 15 February 2023 | Published: 1 March 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.2>

Abstrak: Kajian ini memfokuskan amalan guru bahasa Melayu sekolah menengah dalam melaksanakan pendekatan pengajaran terbeza di kawasan bandar daerah Klang. Dapatan awal mendapati majoriti murid sekolah menengah harian biasa tidak berminat dengan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas kerana masalah guru yang masih mengajar menggunakan kaedah tradisional. Kesukaran memahami silibus bahasa Melayu kini menyebabkan masalah kegagalan dalam peperiksaan awam seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bukan perkara yang baharu lagi. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji amalan amalan guru bahasa Melayu dalam pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2019. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pelaksanaan amalan pendekatan pengajaran terbeza guru bahasa Melayu mengikut jantina lelaki dan perempuan serta pengalaman mengajar guru. Kajian ini akan melibatkan kaedah soal selidik dan tinjauan. Responden untuk kajian ini melibatkan 146 orang guru. Hasil dapatan kajian dianalisis secara deskriptif iaitu menilai skor min, ujian-T dan korelasi. Implikasi kajian ialah guru Melayu perlu lebih bersedia dan konsisten dalam usaha meningkatkan kemahiran dalam amalan pengajaran terutama menggunakan pendekatan pengajaran terbeza.

Kata kunci: Pengajaran Terbeza; Amalan Pelaksanaan; Guru Bahasa Melayu; Sekolah Menengah Harian

Abstract: This research focuses on the teaching practice of secondary school Malay language teachers in the urban area of Klang District. Preliminary results show that most of the general high school students are not interested in the classroom teaching (PdP) process as teachers are still teaching using traditional methods. Difficulties in understanding the Malay syllabus are now causing problems in failing public exams, such as Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), which is nothing new. Therefore, this study aims to examine the practice of Malay language teachers in implementing the differentiated teaching approach introduced by the Malaysian Ministry of Education in 2019. The purpose of this study is to identify the practice of Malay teachers in implementing differentiated teaching methods based on gender and teachers' teaching experience. This research will include questionnaires and survey methods. 146 teachers participated in the study. A descriptive analysis was performed on the results obtained from the study, i.e. the mean value was assessed. The study suggests that Malay teachers need to be better prepared and make more consistent efforts to improve their teaching practice skills, especially through differentiated teaching methods.

Keywords: Differential Teaching; Teaching Practices; Malay Language Teacher; Secondary School

1. Pengenalan

Rentetan perkembangan pendidikan semasa di seluruh dunia mencerminkan perubahan ketara dalam jumlah bilangan murid dalam dua atau tiga dekad lepas. Kemasukan murid dari latar belakang bukan berbahasa Melayu, murid kurang upaya, murid dari latar belakang budaya yang pelbagai, dan murid yang pandai, memerlukan para pendidik terutamanya guru untuk melihat semula pengajaran dan amalan pengajaran mereka. Kehomogenan masa lalu telah digantikan dengan kepelbagaian yang meluas, namun dalam banyak konteks, guru nampaknya tidak menyesuaikan kaedah mereka untuk mengikuti aliran ini. Walaupun, pengajaran terbeza diakui sebagai cara yang menarik dan berkesan untuk menyusun semula bilik darjah tradisional dengan memasukkan murid pelbagai kebolehan, minat dan profil pembelajaran, namun kajian-kajian mengenai keberkesanannya kurang dalam pengesahan empirikal.

Pendekatan pengajaran terbeza adalah salah satu kaedah pedagogi yang dilaksanakan di dalam bilik darjah yang melibatkan pengubahsuaian kandungan kursus, proses, iaitu pelbagai strategi pengajaran dan produk atau kemahiran, mengikut kebolehan dan keadaan kepelbagaian murid. Tomlinson (2000) menegaskan bahawa dalam pendekatan pengajaran terbeza, guru perlu mengubahsuaikan sekurang-kurangnya empat elemen penting dalam kaedah pengajaran terbeza iaitu (i) kandungan kandungan kursus atau kemahiran yang dipelajari oleh murid, (ii) proses yang menunjukkan pengubahsuaian strategi pengajaran dan melibatkan aktiviti pembelajaran, (iii) produk atau hasil yang ditunjukkan oleh murid mengikut kebolehan yang berbeza. Guru akan menilai produk atau hasil melalui penilaian holistik (iv) persekitaran merujuk kepada persekitaran bilik darjah yang memberikan perasaan selesai kepada murid dari segi penyusunan kedudukan murid, menampal maklumat di papan kenyataan, dan keadaan kipas bilik darjah, lampu dan kemudahan lain.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji amalan guru bahasa Melayu terhadap pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2019. Melalui kajian ini akan memperkenalkan pengajaran yang boleh dilakukan oleh guru berasaskan teori terlebih dahulu untuk menyokong langkah-langkah yang melibatkan pengajaran terbeza. Berikutan itu, kajian juga ingin melihat faktor-faktor seperti amalan guru untuk menggalakkan transformasi dalaman apabila mengajar di dalam bilik darjah untuk melibatkan murid dalam proses pembelajaran. Akhirnya, model pengajaran yang terbeza juga dicadangkan untuk bertindak balas menangani perbezaan murid.

Pelaksanaan amalan pengajaran terbeza juga mempunyai pelbagai isu dan cabaran terutamanya dalam PdP di dalam kelas. Zamri (2014) menegaskan dalam kajiannya bahawa kejayaan dan kecemerlangan dalam sesuatu mata pelajaran tidak dapat dicapai sekiranya guru masih menggunakan kaedah tradisional yang ketinggalan zaman. Perkara ini dikatakan demikian kerana, penekanan silibus kini yang memerlukan murid berkemahiran tinggi telah menyebabkan kaedah lapok atau tradisional tidak dapat dipraktikkan lagi. Murid bukan sahaja memerlukan pengetahuan dan pemahaman tetapi perlu membuat analisis dan penilaian menggunakan kemahiran aras tinggi (KBAT). Oleh yang demikian, apabila guru kurang melaksanakan pengajaran pedagogi terbeza di dalam bilik darjah serta memilih untuk menggunakan pendekatan tradisional disebabkan kesukaran untuk melaksanakan kerangka pedagogi terbeza (Hasrul, Hazita dan Azizah, 2017). Kerangka pedagogi terbeza sangat

diperlukan dalam mengenalpasti keadaan murid di dalam kelas terutama sewaktu sesi PdP agar setiap murid mendapat peluang yang sama dan guru tidak merasa terbeban dengan keadaan murid yang pelbagai di dalam kelas.

Pelaksanaan amalan pengajaran terbeza ini masih terhad kerana kurangnya pendedahan guru secara optimum terutamanya di kawasan yang sukar untuk mendapatkan maklumat terkini daripada komuniti pendidikan seperti kawasan pedalaman (Danial Arif, 2020). Guru juga tidak dibekalkan dengan kurikulum dan latihan yang sesuai untuk membimbing kaedah dan kemahiran pengajaran terbeza ini. Akibatnya, apabila guru tidak mempunyai pengetahuan pengajaran yang luas, mereka kurang bersedia untuk melaksanakan pengajaran yang merangkumi kepelbagaian kebolehan dan kemahiran murid dalam ruang pembelajaran. Persepsi guru terhadap pendekatan terbeza juga dilihat heterogen dalam proses PdP juga boleh mempengaruhi hasil pelaksanaan kemahiran tersebut.

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji mempunyai objektif iaitu mengkaji amalan guru-guru bahasa Melayu mengenai pendekatan pengajaran terbeza dengan pengalaman mengajar bahasa Melayu. Kajian ini penting kepada sekolah kerana ia dapat merangka strategi baharu untuk memantapkan usaha semua pihak untuk terus meningkatkan amalan mereka. Selain itu, guru akan sentiasa mendapat input dan amalan terkini dengan memberikan impak positif kepada murid dan memastikan sistem pendidikan negara sentiasa ke arah yang terbaik. Selain mengutamakan murid, kajian ini memberi ruang kepada guru mempelbagaikan kaedah dan bahan pengajaran secara berterusan untuk menarik minat murid yang pelbagai secara konsisten bagi terlibat secara aktif dalam proses PdP di dalam kelas. Kaedah dan bahan, atau lebih tepat lagi penggunaan pedagogi yang terbeza, amat diperlukan dan perlu menjadi amalan apabila berhadapan dengan kepelbagaian murid di dalam bilik darjah.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji amalan pelaksanaan kaedah pengajaran guru Melayu dalam pendekatan pengajaran terbeza. Seterusnya, kajian ini bertujuan untuk memahami profil pelaksanaan pengajaran terbeza guru-guru sekolah menengah dalam pengajaran Bahasa Melayu. Bab ini akan menerangkan metodologi kajian iaitu: reka bentuk kajian, lokasi kajian, latar belakang responden kajian, kajian rintis, instrumen kajian dan analisis data, diuraikan secara mendalam melalui subtopik yang ditetapkan.

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan kajian kuantitatif yang menggunakan pendekatan kajian tinjauan deskriptif untuk menentukan amalan guru Bahasa Melayu di sekolah menengah daerah Klang, Selangor dalam melaksanakan kaedah pengajaran yang berbeza. Menurut Kerlinger (1973), reka bentuk kajian berfungsi sebagai panduan kepada penyelidikan untuk mencari jawapan yang jelas kepada persoalan kajian. Kaedah tinjauan ini adalah kajian tentang apa yang berlaku hari ini, dan ia telah menjadi salah satu cara yang paling biasa untuk mendapatkan generalisasi dalam populasi tertentu (Noraini, 2013). Dalam erti kata lain, dengan jenis kajian tinjauan ini, pengkaji mempunyai peluang untuk mengukur data kuantitatif yang dikumpul dan kemudian menganalisisnya berdasarkan ciri-ciri yang sama untuk digeneralisasikan kepada populasi yang lebih besar.

Kajian ini dilaksanakan dengan memberi fokus kepada guru yang mengajar di sekolah menengah. Lokasi kajian telah dibuat di daerah Klang iaitu salah sebuah kawasan di negeri Selangor. Daerah Klang telah dipilih sebagai lokasi kajian kerana berdasarkan beberapa faktor yang difikirkan sesuai oleh pengkaji untuk mendapatkan dapatan kajian yang baik. Antara

faktor tersebut ialah Sekolah di daerah Klang mempunyai kepadatan murid yang ramai iaitu 59, 087 orang murid di peringkat menengah. Oleh yang demikian, guru-guru di daerah Klang mempunyai pelbagai pengalaman dalam mengendalikan kepelbagaian murid dan kaedah pengajaran terutama pendekatan pengajaran terbeza. Setiap sekolah menengah di daerah Klang mempunyai jumlah guru yang ramai iaitu sebanyak 3,708 secara keseluruhannya yang mengajar di peringkat menengah. Hal ini membolehkan pengkaji mudah mendapatkan sampel kajian. Maklumat sekolah di daerah Klang telah sedia maklum oleh pengkaji kerana telah lama bermaustatin di daerah Klang dan mengenali rakan-rakan guru di daerah Klang. Lokasi sekolah di daerah Klang yang saling berdekatan antara satu sama lain memudahkan pengkaji untuk menjalankan urusan pengkajian.

Semasa menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan persampelan rawak mudah, dikenali sebagai persampelan bebas. Menurut Chua Yan Piaw (2006), prosedur persampelan rawak mudah digunakan untuk memastikan setiap unit atau subjek dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden kajian. Sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah melibatkan 146 orang guru (Cohen et al., 2001) daripada 444 orang guru bahasa Melayu di daerah Klang (Pejabat Daerah Klang, 2022). Jumlah guru yang mengajar secara keseluruhannya di daerah Klang adalah 3,708 orang daripada 34 buah sekolah menengah harian (Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, 2022). Pemilihan guru dibuat berdasarkan mata pelajaran bahasa Melayu yang diajar di sekolah. Guru-guru bahasa Melayu telah diberikan peruntukan masa sedia ada iaitu 240 minit seminggu (30 minit x 7 waktu) seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9 Tahun 2016 KP/KPPM/6 Jld.2 (23) mengikut pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Oleh yang demikian, masa yang diperuntukkan berikutan guru bahasa Melayu lebih banyak masa bersama murid dalam melakukan pendekatan pengajaran terbeza.

Bagi memastikan data yang diperolehi melalui soal selidik ini memenuhi keperluan kajian, kajian rintis telah dijalankan di dua buah sekolah di daerah lain. Seramai 5 orang guru Bahasa Melayu yang tidak terlibat dalam kajian sebenar telah dipilih untuk kajian ini. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan alat kajian supaya segala persoalan dan kekeliruan dalam soal selidik dapat didedahkan dan diperbetulkan. Ini seterusnya memberi peluang kepada penyelidik untuk memperhalusi alat penyediaan sebelum menggunakan soal selidik untuk penyelidikan sebenar. Dalam kajian rintis ini, pengkaji menguji setiap item soal selidik yang dibina dengan merujuk kepada "Cronbach Alpha Reliability Coefficient" menggunakan pekali kebolehpercayaan pemarkahan. Kebolehpercayaan sesuatu ujian ialah keupayaan data yang diperolehi untuk kekal sama walaupun selepas ujian berulang. Dalam erti kata lain, nilai data kekal bermakna data itu sangat boleh dipercayai dan sesuai untuk digunakan dalam penyelidikan sebenar. Sebaliknya, jika data diubah dan tidak stabil, ia menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang lemah untuk item dalam instrumen dan perlu disemak atau diubah.

Nilai kebolehpercayaan akan diuji menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 28. Berdasarkan keputusan ujian rintis, nilai keseluruhan alpha Cronbach ialah 0.972. Nilai ini boleh dianggap baik dengan kebolehpercayaan yang tinggi. Nilai alpha Cronbach antara 0.60 dan 0.80 dianggap boleh diterima, manakala nilai alpha Cronbach di atas 0.80 dianggap sangat baik (Sekaran, 2000). Item minat telah mendapat 0.930, motivasi 0.904 dan pelaksanaan amalan pendekatan pengajaran terbeza ialah 0.960. Kesemua nilai alpha ini boleh diterima untuk kegunaan item dalam soal selidik kerana ia melebihi 0.90 dan melepasi tahap kebolehpercayaan yang sangat baik.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan guru bahasa Melayu dalam pelaksanaan amalan terbeza dalam pengajaran. Saiz sampel yang besar dan cekap diperlukan untuk menghasilkan keputusan yang representatif. Bagi tujuan mendapatkan sampel dalam kajian ini, saiz soal selidik ialah 146, dan soal selidik digunakan sebagai alat kajian utama kerana ia adalah kaedah persampelan yang praktikal untuk mendapatkan sampel yang banyak dibandingkan dengan pemerhatian dan temu bual. Soal selidik telah digunakan dalam kajian ini dengan merujuk dan pengubahsuaian mengikut keperluan kajian berdasarkan kajian terdahulu, Danial Arif (2020) dan Ain Agus (2021). Soal selidik terdiri daripada empat bahagian demografi responden seperti jantina, umur, kelulusan akademik dan pengalaman mengajar. Selain itu, soal selidik juga terdiri daripada 10 soalan mengenai pelaksanaan amalan pengajaran terbeza. Skala Likert 1 sehingga 4 bagi mewakili inteprestasi sampel yang diwakili respons 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = setuju dan 4 = sangat setuju.

Soal selidik telah diedarkan menggunakan link Google Form yang telah dibuat oleh pengkaji melalui aplikasi Telegram dan WhatsApp di dalam kumpulan guru bahasa Melayu daerah Klang. Soal selidik berkenaan hanya boleh dijawab sekali sahaja oleh responden dan menggunakan semakan email untuk mengelakkan responden berulang kali menjawab soal selidik. Data akan dikumpul dalam bentuk Microsoft Excel dan dianalisis menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 28.0. Dapatan data akan dianalisis secara diskriptif dengan merujuk kepada min dan sisihan piawai. Skala skor min yang digunakan oleh pengkaji ialah skala skor min 4 skala berdasarkan Nunnally dan Bernstein (1994) seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 1. Manakala data yang dianalisis secara inferensi pula akan menggunakan kaedah Ujian-T dan juga korelasi dalam menentukan hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji iaitu jantina dan pengalaman mengajar berdasarkan konstruk yang dipilih oleh pengkaji iaitu pelaksanaan amalan pendekatan terbeza.

Jadual 1: Skala skor min

Skor Min	Skala Skor Min
1.00 - 2.00	Rendah
2.01 - 3.00	Sederhana Rendah
3.01 - 4.00	Sederhana
4.01 - 5.00	Tinggi

4. Dapatan Kajian

Dengan menganalisis hasil data kajian yang dikemukakan, pengkaji akan menghuraikan dapatan secara berperingkat mengikut persoalan kajian yang ingin dirungkai. Secara keseluruhannya, tiga isu telah dibincangkan dalam bab sebelumnya, dan bab ini akan memperincikannya dengan mengambil data yang dianalisis.

4.1 Demografi Responden

Data yang dikemukakan dalam Jadual 2 adalah bilangan demografi responden yang akan ditafsirkan secara deskriptif. Kajian ini melibatkan 146 responden, terdiri daripada 71 guru lelaki, atau 49%, dan 75 guru perempuan, 51%, yang kini berkhidmat di sekolah menengah di daerah Klang, Selangor. Bagi kategori umur terdiri daripada responden dalam kategori 31-40 tahun iaitu seramai 48 orang (33%). Ini diikuti dengan 47 orang (32%) dalam kategori 41-50 tahun, 30 orang (21%) berumur 51-60 tahun dan 21 orang (14%) adalah 21-30 tahun. Lebih separuh daripada responden (62%) berkecualan ijazah sarjana muda pendidikan dan hanya 27 orang (19%) berkecualan diploma dan sarjana pendidikan. Dari segi tempoh pengalaman

mengajar, 33 responden (22%) telah berkhidmat kurang daripada 6-10 tahun, manakala seramai 32 orang (22%) berpengalaman 21-25 tahun, 25 orang (17%) berpengalaman 26-30 tahun, 20 orang (14%) berpengalaman 11-15 tahun dan 16-20 tahun. Seramai 16 orang responden (11%) menyatakan pengalaman mengajar hanya 1-5 tahun.

Jadual 2: Taburan demografi responden

	Kriteria	Kekerapan (N=146)	Peratusan (%)
Jantina	• Lelaki	71	49
	• Perempuan	75	51
Umur	• 21-30 tahun	21	14
	• 31-40 tahun	48	33
	• 41-50 tahun	47	32
	• 51-60 tahun	30	21
Kelulusan	• Diploma Pendidikan	27	19
	• Ijazah Pendidikan	92	62
	• Sarjana Pendidikan	27	19
Pengalaman Mengajar	• 1-5 tahun	16	11
	• 6-10 tahun	33	22
	• 11-15 tahun	20	14
	• 16-20 tahun	20	14
	• 21-25 tahun	32	22
	• 26-30 tahun	25	17

4.2 Pelaksanaan Amalan Guru Bahasa Melayu terhadap Pengajaran Terbeza

Dapatan kajian ini seperti dalam jadual 3 menunjukkan secara keseluruhan tahap pelaksanaan amalan guru Bahasa Melayu terhadap pengajaran terbeza adalah di tahap sederhana dengan min 3.15 (SP = 0.427). Daripada 10 item yang diukur dalam konstruk pelaksanaan amalan pengajaran terbeza ini, item 8 iaitu 'Melaksanakan pendekatan terbeza dalam PdPC mengikut keadaan persekitaran bagi meningkatkan penguasaan murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu' mempunyai nilai min tertinggi, iaitu 3.29. Item 7 iaitu 'Melaksanakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) berdasarkan aspek yang terkandung dalam pendekatan terbeza sebagai persediaan untuk melaksanakan PdPC' mempunyai nilai min terendah iaitu 2.95 (SP = 0.683). Semua item dalam konstruk ini berada di tahap sederhana kecuali item 7, di tahap sederhana rendah.

Jadual 3: Pelaksanaan Amalan Guru Bahasa Melayu terhadap Pengajaran Terbeza

Bil	Item	Min	SP	Tahap
1.	Melaksanakan aktiviti pembelajaran yang bersesuaian untuk murid dengan menggunakan pendekatan terbeza dalam PdPC	3.21	.497	Sederhana
2.	Menjelaskan objektif kepentingan pelaksanaan pendekatan terbeza kepada murid.	3.06	.601	Sederhana
3.	Mempelbagaikan pengajaran yang menepati kriteria pendekatan terbeza untuk melaksanakan PdPC.	3.13	.474	Sederhana
4.	Melaksanakan pelbagai aras keupayaan pendekatan terbeza dalam SKPMg2 melalui PdPC.	3.16	.682	Sederhana
5.	Bahan pengajaran ditentukan untuk menjayakan pendekatan terbeza dalam SKPMg2 melalui pelaksanaan PdPC	3.09	.609	Sederhana
6.	Mempelbagaikan jenis pendekatan terbeza terhadap murid dalam PdPC	3.25	.519	Sederhana
7.	Melaksanakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) berdasarkan aspek yang terkandung dalam pendekatan terbeza sebagai persediaan untuk melaksanakan PdPC	2.95	.683	Sederhana Rendah

8.	Melaksanakan pendekatan terbeza dalam PdPC mengikut keadaan persekitaran bagi meningkatkan penguasaan murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu	3.29	.538	Sederhana
9.	Mengawal proses pelaksanaan pendekatan terbeza secara profesional dan berterusan dalam PdPC untuk melihat pelibatan dan perkembangan murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu	3.18	.525	Sederhana
10.	Membuat refleksi pengajaran untuk menambah baik pelaksanaan pendekatan terbeza dalam PdPC Bahasa Melayu dari semasa ke semasa.	3.20	.606	Sederhana
Min Keseluruhan		3.15	.427	Sederhana

4.3 Pelaksanaan Amalan Pendekatan Pengajaran Terbeza Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Lelaki Dan Perempuan.

Jadual 4 menunjukkan keputusan Ujian T, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelaksanaan amalan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu lelaki dan perempuan. Terdapat perbezaan min antara pelaksanaan amalan pendekatan terbeza antara guru lelaki (min=3.13) dan guru perempuan (min=3.16). Hipotesis diterima dengan nilai perbezaan signifikan adalah 0.672 ($p > 0.05$).

Jadual 4: Ujian T berdasarkan pelaksanaan amalan mengikut jantina

Item	Jantina	Min	SP	Ujian T	Sig
Amalan	Lelaki	3.13	.410	-.424	0.672
	Perempuan	3.16	.445		

4.4 Pelaksanaan Amalan Guru-Guru Bahasa Melayu Mengenai Pendekatan Pengajaran Terbeza Dengan Pengalaman Mengajar Bahasa Melayu.

Persoalan kajian iaitu adakah terdapat hubungan terhadap amalan pelaksanaan guru-guru bahasa Melayu mengenai pendekatan pengajaran terbeza dengan pengalaman mengajar bahasa Melayu. Analisis korelasi Spearman Rho digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar iaitu amalan pelaksanaan dan pemboleh ubah bersandar iaitu pengalaman mengajar. Hipotesis kajian seterusnya adalah seperti berikut:

Jadual 5: Analisis korelasi

Hubungan kesediaan guru berdasarkan pengalaman mengajar	Korelasi Spearman Rho	Signifikan	Hubungan
Amalan Pelaksanaan	-0.374**	0.000	Lemah

Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

Daripada Jadual 5, nilai pekali korelasi bagi amalan pelaksanaan menggunakan pendekatan terbeza dengan pengalaman guru yang mengajar Bahasa Melayu ialah -0.374 dan menunjukkan hubungan yang lemah. Hubungan ini adalah negatif dan signifikan iaitu nilai aras keyakinan ialah 0.00 kurang daripada aras keyakinan yang ditetapkan iaitu 0.01. Oleh itu, berdasarkan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa hipotesis diterima iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan amalan pelaksanaan guru-guru bahasa Melayu mengenai pendekatan pengajaran terbeza dengan pengalaman mengajar bahasa Melayu.

5. Perbincangan

Hasil kajian menunjukkan guru sentiasa mempelbagaikan jenis pendekatan terbeza terhadap murid dalam PdPC dengan melaksanakan aktiviti pembelajaran yang bersesuaian untuk murid mengikut keadaan persekitaran bagi meningkatkan penguasaan murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Perkara ini ditunjukkan dalam kajian dengan mendapat skor min yang tinggi daripada item yang lain. Secara jelasnya, dapatan kajian ini menyerupai dengan beberapa

kajian yang lain iaitu elemen pendekatan pengajaran terbeza yang diubahsuai oleh guru bagi membolehkan guru merancang proses pengajaran yang sesuai mengikut kebolehan murid tanpa menggunakan kaedah pengajaran “one-size-fits-all” (Nuraishahtun et al., 2019). Guru boleh mempelbagaikan kaedah dan pilihan pengajaran menerusi bahan bantu mengajar (BBM) dari segi kandungan, proses dan produk, berdasarkan kesediaan, minat, dan profil pembelajaran pelajar, serta keperluan pembelajaran pelajar (Ain Nur Atika, 2021). Amalan pengajaran terbeza dapat memenuhi keperluan pelajar yang pelbagai membolehkan guru menyesuaikan amalan pengajaran dengan keperluan pendidikan semasa.

Seterusnya, kajian ini juga mendapati guru kurang mementingkan pelaksanaan pelbagai aras keupayaan dan kurang pengawalan proses pendekatan terbeza secara profesional dan berterusan. Selain itu juga, guru kurang membuat refleksi pengajaran untuk penambahbaikan pelaksanaan pendekatan terbeza dalam PdPC Bahasa Melayu dari semasa ke semasa. Dapatan kajian mengenai item berkenaan mendapat skor tahap yang sederhana di dalam kajian. Hasil kajian ini adalah berbeza dengan kajian Mohd Rohiman et al., (2022) yang mendapati bahawa kepelbagaian dalam aktiviti penting supaya semua pelajar mendapat akses yang sama dan saksama kepada proses pengajaran dan pembelajaran, walaupun pendekatan pengajaran terbeza digunakan. Selain itu, berdasarkan dapatan kajian daripada Halida dan Zamri (2021) mendapati guru menggunakan kaedah yang terbeza dalam proses pengajaran bagi mengisi kekosongan tahap pengetahuan dan kemahiran bahasa murid yang merangkumi tahap penguasaan yang berbeza iaitu tahap lemah, sederhana, baik dan cemerlang. Oleh yang demikian, guru perlu mementingkan pelaksanaan amalan pengajaran pendekatan terbeza semasa PdPC kerana jurang ilmu ini perlu diisi oleh guru agar penguasaan kemahiran bahasa Melayu murid dapat meningkat dengan lebih konsisten dari semasa ke semasa.

Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan apabila guru tidak menentukan bahan pengajaran untuk menjayakan pendekatan terbeza dalam SKPMg2 melalui pelaksanaan PdPC akan menyebabkan pelaksanaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) akan terganggu dan mengakibatkan objektif kepentingan pelaksanaan pendekatan terbeza kepada murid sukar untuk dijelaskan. Pernyataan ini telah mendapat skor min yang rendah di dalam kajian yang dilakukan. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Diana Lawrence-Brown (2004) mengatakan penentuan pendekatan dan strategi dan objektif yang berbeza mampu menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di dalam bilik darjah. Murid akan dapat mencapai objektif yang disasarkan oleh guru terhadap murid yang berbeza latar belakang. Sementara itu, kajian Roa'aini dan Nor Rul Azlifah (2019) juga menyokong pernyataan tersebut dengan menyatakan bahawa penggunaan pendekatan terbeza berjaya membawa perubahan kepada pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan guru dengan berkesan. Amalan pengajaran terbeza oleh guru Bahasa Melayu harus dijalankan secara berterusan bagi memenuhi keperluan pembelajaran bermakna murid yang berbeza bagi mencapai matlamat keseluruhan pengajaran kemahiran bahasa.

Berdasarkan hasil kajian menunjukkan guru mempunyai pendekatan amalan pengajaran pendekatan terbeza yang positif di antara guru lelaki dan perempuan, kedua-dua pembolehubah menunjukkan skor tahap yang sederhana. Berdasarkan analisis inferensi melibatkan amalan pelaksanaan pengajaran pendekatan terbeza juga menunjukkan tidak wujudnya perbezaan yang signifikan antara pembolehubah amalan pedagogi terbeza berdasarkan jantina guru. Justeru, dapatlah dinyatakan bahawa secara umumnya, aspek jantina tidak memiliki persepsi yang berbeza dalam melaksanakan amalan pendekatan tersebut. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa jantina bukanlah alasan menghalang guru melaksanakan tanggungjawab untuk berjaya dalam menghasilkan PdPC berkualiti dan

berkesan. Natiujahnya mereka perlulah membiasakan diri melalui pendekatan yang boleh meningkatkan pencapaian murid dengan melaksanakan pedagogi yang sesuai. Berdasarkan dapatan kajian ini secara praktikalnya apa yang berlaku dalam kalangan guru adalah peranan secara langsung terhadap aspek perubahan sikap guru menerima perubahan dalam mencorakkan pedagogi yang lebih berkesan bagi mengelak keciciran murid dalam PdP. Selari dengan itu, Zamri, Ruslin dan Mohamed Amin (2015) berpandangan guru perlu mengambil kira perbezaan yang ada dalam kalangan pelajar dalam proses pengajaran. Murid tidak akan tercicir jika guru sentiasa mengambil berat tentang perbezaan dalam kalangan muridnya.

Hasil kajian ini juga mengenal pasti hubungan yang negatif antara struktur pembolehubah lemah. Manakala secara keseluruhannya terdapat hubungan yang lemah antara pembolehubah yang menunjukkan amalan pengajaran yang terbeza dengan pengalaman guru yang telah lama mengajar di sekolah yang mengambil bahagian dalam kajian ini. Hasil analisis kajian ini jelas mengesahkan hipotesis penyelidik bahawa amalan pelaksanaan pengajaran terbeza dan pengalaman guru yang mengajar Bahasa Melayu tidak mempunyai hubungan yang signifikan. Fakta telah membuktikan bahawa amalan pelaksanaan pengajaran terbeza oleh guru tidak bergantung kepada pengalaman guru mengajar tetapi lebih kepada pemahaman guru terhadap pendekatan terbeza ini. Dapatan kajian itu adalah berbeza dengan kajian Tschannen-Moran dan Hoy (2002) yang mendapati guru yang berpengalaman mempunyai amalan pelaksanaan yang tinggi dalam meneruskan tugas pengajaran harian untuk tempoh yang lama berbanding dengan guru novis untuk mengembangkan kemahiran dalam pengurusan bilik darjah dan strategi pengajaran terutama dalam pendekatan terbeza ini. Kajian oleh Khalid Johari et al., (2009) turut menunjukkan faktor pengalaman mengajar merupakan antara unsur utama dalam amalan pelaksanaan pendekatan terbeza. Mereka mendapati guru-guru yang berpengalaman mengajar melebihi tujuh tahun lebih cenderung berkeyakinan tinggi dalam melaksanakan pendekatan pengajaran terbeza. Ini mungkin disebabkan oleh keupayaan dan kepercayaan guru dalam pengurusan bilik darjah yang sistematik untuk mewujudkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang menggalakkan, pada dasarnya, ini usaha disepadukan ke arah pembangunan profesional guru iaitu melalui transformasi pendidikan.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya memberikan gambaran awal tentang fenomena dan faktor pelaksanaan amalan pendekatan terbeza oleh guru Bahasa Melayu. Secara khusus, kajian ini hanya melibatkan responden dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah menengah secara rawak mudah. Berdasarkan kajian melalui analisis data empirikal, kajian ini cuba mengenal pasti aspek seperti tahap, ciri demografi, dan hubungan pembolehubah yang terlibat dalam pengajaran terbeza yang dilaksanakan oleh guru. Oleh itu, kajian dilaksanakan menggunakan kaedah kuantitatif yang menggunakan pendekatan kajian tinjauan deskriptif untuk menentukan amalan guru Bahasa Melayu di sekolah menengah.

Pendekatan pengajaran terbeza merupakan kaedah pengajaran yang semakin penting dalam dunia pendidikan masa kini. Keperluan pendidikan global memerlukan guru bahasa Melayu merancang kaedah pengajaran dalam kelas yang sama bagi memenuhi kepelbagaian kebolehan pembelajaran pelajar. Oleh itu, guru perlu peka terhadap perbezaan dalam kalangan pelajar di dalam bilik darjah, kerana kesan pemansuhan pengasingan kelas di Malaysia pada tahun 2019 memerlukan guru memainkan peranan penting dalam mewujudkan proses pengajaran yang bermakna. Ini kerana guru adalah penggerak utama, membantu pelajar meningkatkan prestasi akademik, khususnya pemahaman mata pelajaran Bahasa Melayu dan kemahiran bahasa yang

lebih menyeluruh, dengan menyampaikan ilmu daripada keperluan kurikulum. Oleh itu, guru perlu menerima secara aktif perubahan kaedah pengajaran yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) supaya mereka dapat merancang proses pengajaran yang sama rata, lebih tekal dan cekap, serta menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan di Malaysia.

Rujukan

- Ain Nur Atika Agus. 2021. Tahap Pengetahuan dan Kesiediaan Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pendekatan Terbeza dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol 11(1). 75-87.
- Chua, Y. P. 2006. *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan*. Buku 1. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. 2001. *Research Methods in Education (5th ed.)*. Oxford: Routledge Falmer Publisher.
- Danial Arif Abdul Muttalip. 2020. Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu yang Mengajar di Sekolah Rendah Pedalaman Kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 10, Bil. 2
- Diana Lawrence-Brown. 2004. Differentiated Instruction: Inclusive Strategies For standards-Based Learning that Benefit The Whole Class. *American secondary education* 32(3) summer 2004: St. Bonaventure University, St Bonaventure, NY
- Halida Jawan & Zamri Mahamod. 2021. Kaedah dan Cabaran Pengajaran Terbeza dalam Meningkatkan Penguasaan Membina Ayat Bahasa Melayu Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*. Vol 3(1), 67-77.
- Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. Maklumat Asas Pendidikan Negeri Selangor. 31 Mac 2022. <https://app.powerbi.com/view?r=>
- Kerlinger, F. N. 1973. *Review of research in education*. F. E. Peacock.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2021. Senarai sekolah rendah dan menengah. <https://www.moe.gov.my/en/muat-turun/laporan-dan-statistik/senarai-sekolah>
- Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman, & Ahmad Tajuddin Othman. 2009. Pengaruh jenis latihan guru dan pengalaman mengajar terhadap efikasi guru sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(2), 3-14.
- Mohd Hasrul Kamarulzaman, Hazita Azman dan Azizah Mohd Zahidi. 2017. Differentiation Practices among the English Teachers at PERMATA pintar National Gifted and Talented Center. *Asian Social Science*. Vol 11. Canadian Center of Science and Education.
- Mohd Rohiman Subri, Azlinda Boheran Nudin & Ismail Ebrahim. 2022. Pelaksanaan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Berteraskan KPM PERKASAKU: Satu Kajian Kes. *Jurnal Dunia Pendidikan*. Vol 4(1), 419-427
- Noraini Idris. 2013. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill
- Nunnally, J.C. & Bernstein, I.H. 1994. *Psychometric Theory*. 3rd Edition. New York: Mc Graw Hill.
- Nuraishahtun Md Akhir, Zamri Mahamod, Siti Faraziah Md Akib & Norshiha Hj Sailon. 2019. Pelaksanaan Modul Pedagogi Terbeza Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara (Skepen) Ke-6, Pp. 1450-1465. 21-22 September. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Roa'ani bt. Mohamed & Nor Rul Azlifah bt. Zulkafali. 2019. Keberkesanan Pendekatan Pedagogi Terbeza (PPT) dalam PdPc Bahasa Melayu Kelas Peralihan: Satu Kajian

Tindakan di Sebuah Sekolah di Kuantan. *Journal of Sciences and Management Research*. Vol 5 (2)

- Sekaran, U. 2000. *Research Methods for Business*. New York: John Wiley & Sons
- Tschannen-Moran, M. and Woolfolk Hoy, A. 2002. The Influence of Resources and Support on Teachers' Efficacy Beliefs. Annual Meeting of the American Educational Research Association, New Orleans, 1-5 April 2002.
- Tomlinson, C. A. 2000. *The Differentiated Classroom: Responding to the Needs of all Learners*. Alexandria: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Zamri Mahamod. 2014. *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Zamri Mahamod, Rusli Amin & Mohamed Amin Embi. 2015. *Kepelbagaian Pelajar dan Perbezaan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka